

10 DEC 1998

Mahkamah-Anwar (Saman)/I

BICARAKAN SAMAN ANWAR DI HADAPAN HAKIM YANG DITETAPKAN

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Saman Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencabar pemecatannya daripada kabinet pada 2 Sept sepatutnya didengar di hadapan hakim Mahkamah Tinggi yang ditetapkan, menurut peguamnya hari ini.

Karpal Singh berkata saman itu yang difailkan pada 13 Nov, harus didengar di hadapan Hakim Datuk James Foong dan bukannya di hadapan Hakim Datuk Mohd Saari Yusoff.

Ini kerana katanya saman asal difailkan di Mahkamah Tinggi dan nombor yang diberi ialah di mahkamah Foong, oleh itu beliau sepatutnya yang mendengar saman itu.

Pada 17 Nov, sepucuk surat dihantar oleh timbalan pendaftar Mohd Saari kepada timbalan pendaftar Foong menyatakan bahawa saman itu akan dipindahkan ke mahkamah Mohd Saari atas arahan beliau (Mohd Saari), kata Karpal.

"Apa yang berbangkit di sini ialah satu isu undang-undang iaitu bolehkah sesuatu kes yang telah didaftarkan di satu mahkamah dipindahkan selepas itu ke mahkamah yang lain," katanya.

Dalam samannya, Anwar meminta satu pengisytiharan bahawa pemecatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan tidak mengikut perlembagaan dan selain Dr Mahathir, beliau juga menamakan kerajaan Malaysia sebagai responden kedua.

Anwar turut meminta satu pengisytiharan bahawa Dr Mahathir melanggar Perkara 48 (5) Perlembagaan Persekutuan semasa memecat Anwar dari kabinet.

Beliau juga meminta mahkamah mengisytiharkan bahawa pemecatannya tidak sah dan batal serta tidak mempunyai kesan.

Anwar, yang turut meminta satu pengisytiharan bahawa beliau masih seorang menteri dalam kabinet meminta kos dan apa-apa relief yang difikirkan sesuai dan wajar oleh mahkamah.

Pada 4 Dis, Jabatan Peguam Negara memfailkan permohonan untuk mengetepikan saman Anwar dengan alasan ia tidak mendedahkan apa-apa kuasa tindakan yang munasabah, mengaibkan, remeh dan menyusahkan serta satu penyalahan proses mahkamah.

Karpal berkata menurut Seksyen 20 Akta Mahkamah Kehakiman 1964, hanya Hakim Besar Malaya Datuk Wan Adnan Ismail mempunyai kuasa memindahkan kes.

Katanya rasional di sebalik seksyen itu ialah tiada siapa yang boleh dibenarkan memilih hakimnya sendiri dan pilihan seperti itu juga tidak diberikan kepada plaintif dan responden.

"Orang ramai tidak harus diberikan tanggapan bahawa ada yang tidak kena di Denmark, seperti kata Shakespeare, dan kebetulan kita sekarang berada di Wisma Denmark," katanya dan mereka yang memenuhi bilik mahkamah itu ketawa. Wisma Denmark di Jalan Ampang di sini menempatkan Mahkamah Tinggi sivil.

Karpal turut mempersoalkan sama ada terdapat sesuatu yang menunjukkan bahawa pihak-pihak berkenaan tidak yakin dengan Foong.

Sambil memberi contoh kes Ayer Molek, Karpal berkata kes itu menyebabkan Ketua Hakim Negara Tun Mohamed Eusoff Chin mengeluarkan arahan bertarikh 10 Okt 1996 bagi memastikan pihak-pihak berkenaan tidak boleh memilih hakim mereka kecuali atas sebab-sebab yang kukuh.

"Dalam kes Rungit Singh di Pulau Pinang, kes itu ditetapkan didengar oleh Hakim Datuk Wan Adnan Mohamad tetapi kami telah menulis kepada Hakim Besar Malaysia bahawa beliau (Rungit) tidak harus dibicarakan di hadapan beliau (Wan Adnan) kerana beliau berasal dari negeri itu.

"Hakim Besar Malaya menjawab bahawa beliau bersetuju seorang hakim dari negeri lain, Hakim Amir Embong membicarakan kes itu," kata Karpal.

Beliau juga memberitahu mahkamah bahawa Anwar dalam kes ini sedang menjalani perbicaraan terhadap empat tuduhan rasuah yang kontroversial.

"Bukannya saya mengatakan beliau sepatutnya diberi layanan yang berbeza daripada orang lain. Tidak seorang pun yang harus diberikan tanggapan bahawa satu cubaan telah dibuat untuk tidak memberikan kesnya peluang didengar di hadapan hakim yang telah ditetapkan," kata Karpal.

Beliau juga berkata dalam perkara seperti ini, harus ada ketelusan.

Bagaimanapun Mohd Saari yang mendengar kes awal itu menanggungkan perbicaraan kepada 21 Dis apabila Peguam Kanan Persekutuan Datuk Zaitun Zauyah Puteh memberitahu mahkamah beliau memerlukan lebih masa untuk menjawab hujah Karpal kerana Jabatan Peguam Negara tidak menerima salinan surat itu.

-- BERNAMA

SBB RON